

23 JUN 2001

Umno-Reaksi (Gulung)

ANGGOTA UMNO PIKUL TANGGUNGJAWAB LEBIH BESAR LEPAS PERHIMPUNAN AGUNG

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Para pemimpin Umno melihat amanat Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir Perhimpunan Agung Umno hari ini sebagai tanggungjawab besar yang perlu dipikul bersama untuk memastikan keutuhan dan perpaduan parti.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata para pemimpin dan anggota Umno kini perlu melaksanakan dengan lebih berkesan apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir.

"Anggota Umno harus rapatkan barisan, kukuhkan perpaduan, tolak perselisihan (semasa sendiri) dan tumpukan pada perkara yang paling utama iaitu bagaimana hendak hadapi pembangkang dan betulkan persepsi silap serta pembohongan yang dibuat PAS terhadap orang Melayu dan masyarakat Islam.

"Mereka patut sedar perlunya untuk lebih tegas. Tanggungjawab anggota kini bukan sahaja untuk menerima tetapi mengambil tindakan terhadap apa yang dikatakan oleh presiden dalam ucapannya," kata beliau.

Beliau menganggap ucapan penggulungan Dr Mahathir itu sebagai satu yang "begitu keras yang boleh menggerakkan gunung, begitu padat dan tepat, begitu didorong oleh perlunya Umno mengambil tindakan yang tegas dan bersemangat."

Mengulas amaran Dr Mahathir dalam ucapan penggulungannya supaya jangan mengaitkan nama beliau dalam isu pembelian Nanyang Holdings Berhad oleh MCA, Muhyiddin berkata penjelasan itu adalah sebagai membetulkan persepsi salah yang ditimbulkan sesetengah pihak yang mengaitkan Dr Mahathir dengan isu itu.

Seorang lagi naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib pula berkata apa yang disampaikan Dr Mahathir itu perlu dihayati oleh semua rakyat dalam usaha negara bergerak ke arah menjadi sebuah negara maju.

Selain itu, katanya amaran presiden parti itu, yang tidak mahu namanya dikaitkan lagi dengan isu pembelian akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press oleh MCA, perlu dipatuhi dan dihormati.

"Beliau sendiri sudah menekankan bahawa beliau tiada kena mengena dengan pembelian itu. Janganlah kaitkan dia. Lagipun ia merupakan urusan biasa," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata ucapan penggulungan Dr Mahathir itu dapat menimbulkan keinsafan di kalangan bangsa Melayu supaya tidak alpa dan melangkah dengan lebih yakin pada masa akan datang.

"Semangat yang dititipkan oleh Perdana Menteri itu juga saya kira amat wajar bagi bangsa Melayu lebih-lebih lagi untuk mencipta tamadun pada masa akan datang," katanya.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu Datuk Idris Jusoh pula berkata ingatan Dr Mahathir supaya anggota patuh pada presiden parti, perlu disemai pada hati setiap anggota Umno.

"Jika semua anggota taat pada presiden, tidak gopoh dan tidak mudah lupa tentang perjuangan Melayu, ia akan beri kekuatan kepada Umno untuk menawan semula Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya 2004 nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berjanji bahawa Umno akan memastikan generasi barunya tidak akan pernah lupa terhadap asas perjuangan parti.

"Beberapa anggota Puteri menangis apabila mendengar presiden membaca sajak. Melihat mereka menangis semasa mendengar presiden itu, bagi saya,

merupakan hadiah paling berharga. Ia menunjukkan bahawa mereka faham tentang apa yang diperkatakan oleh Dr Mahathir, mereka bersimpati dan saya pasti mereka tidak akan lupa.

"Mulai sekarang kita melihat satu generasi baru Umno, satu pergerakan Wanita dan Puteri yang bersatu kerana kita akan meletakkan perpaduan sebagai objektif utama kita merampas kembali Kelantan dan Terengganu pada 2004," katanya.

-- BERNAMA

ZAI NHA AZZ RON